

HUBUNGAN ANTARA KELAS SEKOLAH
DENGAN PRESTASI SIRI-SIRU :
SATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH JASIN KELAKA

KAMARIAH BTI MU OTHMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk melihat hubungan antara iklim sekolah dengan prestasi kerja guru-guru. Empat aspek iklim sekolah yang digunakan ialah hubungan sosial, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan serta persekitaran. Teori Gestalt, Model Payne dan Pugh (1976) serta Model Szilagyi dan Wallace (1987) telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan soal selidik yang diubahsuai dari soal selidik rekaan Charles F. Kettering (C.F.K.Ltd School Climate Profile, 1970) bagi mengukur iklim sekolah. Prestasi kerja guru pula diukur menggunakan borang JPA (prestasi) 3/93 dan 4/93 di mana prestasi diukur mengikut penghasilan kerja, pengetahuan dan kemahiran, kualiti peribadi, jalinan hubungan kerjasama, potensi dan sumbangsan serta kegiatan yang diceburi oleh guru. Seramai 42 orang responden telah dipilih dari Sekolah Menengah Jasin, Melaka sebagai sampel kajian ini. Data kajian telah dianalisis menggunakan deskripsi kekerapan dan analisis korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan antara kesemua empat aspek iklim sekolah dengan prestasi kerja guru-guru pada aras keyakinan .05.